

Beri kank-kank 'kuasa'

u. m m/s 10 22.9.07

ANAK-ANAK memerlukan ibu bapa sebagai tempat perlindungan daripada sebarang anasir dan ancaman negatif dari luar. Setiap ibu bapa mestilah bertanggungjawab terhadap keselamatan anak-anak mereka.

Akan tetapi, amatlah mustahil dan sukar bagi ibu bapa untuk memerhati dan mengawasi pergerakan anak-anak mereka 24 jam.

Ada ibu bapa yang sibuk dengan tugas kerja dan ada juga yang lebih senang membiarkan anak mereka bebas untuk pergi ke mana sahaja.

Namun, ada juga anak-anak yang merajuk dan berasa diri mereka dikongkong akibat perhatian berlebihan ibu bapa mereka. Kongkongan ini menyebabkan terjadi satu lagi fenomena yang membimbangkan iaitu lari dari rumah.

Disebabkan kemustahilan untuk mengawasi anak-anak pada setiap masa, para ibu bapa dan penjaga perlu merangka strategi berbentuk *empowerment* (beri kuasa) sebagai langkah mengawasi anak-anak.

Strategi ini menjadikan anak-anak sebagai penjaga diri mereka sendiri dan tahu membuat keputusan walaupun tanpa ibu bapa di sisi. Seperti kata pujangga, "Jika anda memberikan seseorang makanan, anda hanya memberinya makan selama satu hari, tetapi sekiranya anda memberi seseorang pancing dan mengajarnya cara memancing ikan, anda telah memberinya makanan untuk selama-lamanya."

Ada empat perkara yang perlu diajar oleh ibu bapa kepada anak-anak mereka.

Pertama; mereka hendaklah berteman ke mana sahaja mereka pergi. Mereka perlu membawa kawan, kakak atau ibu supaya keselamatan mereka lebih terjamin.

Penjenayah selalunya akan menyerang mangsa yang sedang berseorangan. Serigala tidak akan menangkap kambing yang meragut di dalam kumpulan, tetapi ia akan menyerang kambing yang meragut bersendirian. Kanak-kanak malang, Nurin Jazlin hilang ketika dia berjalan seorang diri.

Kedua; ingatkan kanak-kanak supaya peka dengan keadaan sekeliling dan melaporkan kepada ibu bapa sekiranya

ada sesuatu yang tidak kena atau ada orang yang memerhatikan mereka.

Dalam hal ini, komunikasi dengan anak-anak adalah penting. Masalah orang dewasa ialah mereka tidak mempercayai kata-kata seorang budak kecil. Ada pula yang sering menganggap remeh apa yang dikatakan oleh budak-budak.

Kanak-kanak ialah manusia yang lurus. Mereka akan bercakap tentang apa yang mereka rasa dan fikir.

Penjenayah selalunya akan mengenal pasti 'pergerakan' mangsanya terlebih dahulu sebelum menyerang. Mereka akan terlebih dahulu mengkaji setiap aspek dan kemungkinan sebelum bertekad melakukan kerja jahat ini. Mereka tahu di manakah jalan yang biasa dilalui oleh mangsa dan apakah tabiat mangsa.

Penjenayah mengenal pasti 'pergerakan' ini dengan cara memerhati dan menghendap mangsa. Sekiranya kita peka tentang siapa yang memerhatikan kita, maka jenayah boleh dicegah.

Ketiga; kanak-kanak perlu diajar cara-cara berdepan dengan penjenayah. Kanak-kanak hanya boleh diajar cara mencegah jenayah iaitu cara-cara menangani penjenayah sebelum mereka bertindak secara fizikal.

Cara mencegah yang paling baik adalah dengan meletakkan had bagi setiap orang di sekeliling mereka. Contohnya, had pergaulan bagi kawan ialah bercakap tetapi tidak boleh sampai memegang tangan. Had pergaulan bagi bapa saudara ialah setakat bersalaman tetapi tidak boleh bersembang sampai ke dalam bilik.


Meletakkan had bagi setiap orang ini penting kerana sesiapa pun berpotensi menjadi penjenayah: kawan, guru, pakcik malah bapa sendiri.

Mengikut statistik, kebanyakan jenayah rogol yang berlaku di kalangan wanita dilakukan oleh orang yang dikenali mangsa.

Oleh itu, anak-anak perlu diajar bagaimana meletakkan had pada orang di sekeliling mereka. Mereka tidak boleh mengikut seseorang yang tidak dikenali ke tempat-tempat yang tidak diketahui. Had bagi seorang yang tidak dikenali ialah setakat menegur dan bertanya soalan sahaja.

Keempat; gunakan teknologi yang boleh mengesan di mana anak anda berada. Teknologi paling murah dan

Empowerment mampu menyelamatkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa jenayah



KANAK-KANAK perlu diasuh untuk menjaga diri dan peka keadaan sekeliling yang mencurigakan.

mudah didapati ialah dengan membekalkan anak anda telefon bimbit.

Melalui telefon bimbit ibu bapa boleh mengetahui di mana anak mereka berada. Akan tetapi, berpada-pada juga untuk membelikan anak-anak itu telefon bimbit dan elakkan memberi mereka telefon yang terlalu canggih. Perbuatan ini boleh 'memikat' penjenayah untuk mencuri barangan tersebut.

Kesimpulannya, jumlah penduduk di negara kita semakin bertambah dan ini boleh menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah. Selain itu, strategi dan kaedah yang digunakan oleh penjenayah pada masa sekarang adalah lebih

licik dan bijak.

Ibu bapa pasti tidak mampu untuk memastikan keselamatan anak-anak mereka sentiasa terjamin. Kaedah yang paling baik ialah mendidik dan mengajarkan anak-anak cara melindungi diri mereka sendiri. Siapakah yang paling baik untuk melindungi seseorang melainkan diri mereka sendiri?

□ AFFARO AFFANDY SALIM ialah perunding di FikirDynamics, Kuala Lumpur.